

**PENGLIBATAN KOMUNITI SEBAGAI PENGUSAHA DI SEKTOR
PENGINAPAN PELANCONGAN BERSKALA KECIL :
KAJIAN DI PESISIR PANTAI TERENGGANU**

NORILAWATI MOHD NOR

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

0/7717

1100078326

Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah (UMT)
Universiti Malaysia Terengganu



tesis

JC 423 .N6 2010



1100078326

Penglibatan komuniti sebagai pengusaha di sektor penginapan
pelancongan berskala kecil : kajian di pesisir pantai Terengganu /
Norilawati Mohd Nor.

PERPUSTAKAAN SULTANAH NUR ZAHIRAH
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT)
21030 KUALA TERENGGANU

1100078326

Lihat sebelah

PENGLIBATAN KOMUNITI SEBAGAI PENGUSAHA DI SEKTOR
PENGINAPAN PELANCONGAN BERSKALA KECIL:
KAJIAN DI PESISIR PANTAI TERENGGANU

NORILAWATI MOHD NOR

TESIS YANG DIKEMUKAKAN UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH
DOKTOR FALSAFAH

FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI

2010

U288900011

PENAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

6 Julai 2010


NORILAWATI BINTI MOHD NOR
P32299

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah kerana dengan limpah dan izin-Nya telah memberikan saya kekuatan, ketabahan serta pemahaman dalam menyempurnakan kajian ini. Saya dengan rasa rendah diri akur bahawa tanpa adanya bantuan dan kerjasama daripada pihak-pihak yang lain sudah tentu kajian ini tidak dapat disempurnakan dalam bentuknya yang sebegini. Kata orang '*Doing PhD is a lonely journey*' tetapi bagi saya pula perjalanan menyempurnakan kajian di peringkat ini tidak sebegitu, bahkan terpaksa meminta pertolongan serta kerjasama pihak-pihak tertentu. Sudah pastinya keadaan ini menyebabkan saya tidak keseorangan!

Jutaan terima kasih dirakamkan kepada ke dua-dua penyelia, Prof. Dr. Yahaya Ibrahim selaku penyelia utama dan Prof. Madya Dr. Ong Puay Liu sebagai penyelia bersama di atas segala tunjuk ajar, nasihat dan teguran yang begitu berguna di sepanjang penyediaan kajian ini. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada para pensyarah Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan di atas sumbangan ilmu dan kepakaran masing-masing dalam menjayakan kajian ini.

Kajian ini juga tidak akan dapat disempurnakan tanpa adanya bantuan daripada beberapa pihak. Justeru, saya mengambil kesempatan ini mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kementerian Pengajian Tinggi yang menghulurkan bantuan kewangan sepanjang pengajian ini dan Universiti Malaysia Terengganu yang mengizinkan cuti belajar bagi membolehkan penumpuan kepada penyelidikan ini.

Data mentah utama diperolehi daripada mereka yang terlibat sebagai pengusaha penginapan berskala kecil di kawasan kajian. Justeru, saya merakam penghargaan ini kepada semua mereka yang terlibat memberikan kerjasama dan tidak jemu melayan pertanyaan berkaitan kajian ini. Kepada para peniaga, penduduk kampung dan pekerja penginapan yang sudi berkongsi cerita dan pandangan, kajian ini dapat dijayakan dengan bantuan anda semua. Tahniah dan terima kasih diucapkan!

Sukar untuk saya menyempurnakan kajian ini tanpa bantuan dan sokongan daripada kaum keluarga yang disayangi. Terima kasih kerana sudi membantu 'menjaga' anak-anak yang terpaksa ditinggalkan. Ini realiti yang harus ditempuhi oleh kaum ibu yang 'kembali semula ke sekolah'.

Akhir sekali, istimewa buat suami tersayang yang sentiasa memahami, memberikan bantuan dan dorongan serta bersabar di sepanjang perjalanan menyiapkan kajian ini, dan Huda, Imran serta Syamil yang baru mula mengenal erti kehidupan.

Syukur dan terima kasih sekali lagi di atas segalanya!

ABSTRAK

Penglibatan komuniti sebagai pengusaha kecil dalam sektor pelancongan seringkali menimbulkan tanda tanya tentang sejauhmanakah keupayaan penduduk tempatan melibatkan diri dalam aktiviti perkhidmatan pelancongan di kawasan destinasi. Mereka diukur dari segi keupayaan untuk bersaing dan kemampuan untuk mengekal serta memajukan produk perkhidmatan pelancongan. Sumbangannya dalam konteks pembangunan ekonomi tempatan dengan penyediaan peluang pekerjaan dan membangunkan industri pelengkap yang lain telah menjadikan aktiviti perniagaan di sektor ini mula mendapat tempat di kalangan komuniti tempatan. Justeru, kini sektor perkhidmatan penginapan berskala kecil telah didominasi oleh penduduk tempatan yang mulai berani serta gigih menceburi bidang ini. Kajian ini dilakukan adalah untuk melihat penglibatan komuniti tempatan dalam perkhidmatan penginapan berskala kecil di pesisir pantai Terengganu. Faktor-faktor yang mendorong kepada penglibatan mereka sebagai pengusaha dan manfaat yang dinikmati hasil daripada penglibatan tersebut merupakan fokus utama kajian ini. Sumber utama data adalah melalui kerja lapangan menggunakan borang soalselidik di kalangan 23 pengusaha penginapan berskala kecil serta temubual dan pemerhatian di kawasan kajian. Soalan-soalan dalam borang soalselidik menumpukan kepada pembentukan profil pengusaha, latarbelakang perkhidmatan penginapan berskala kecil, pandangan mereka terhadap tujuan penglibatan serta manfaat daripada penglibatan tersebut. Di samping pengusaha penginapan berskala kecil sebagai responden utama, temubual di kalangan ahli komuniti tempatan lainnya juga dilakukan dalam usaha mengenalpasti persepsi mereka berhubung penglibatan penduduk tempatan dalam penginapan berskala kecil. Hasil kajian merumuskan bahawa faktor ekonomi adalah faktor utama yang mendorong penglibatan mereka sebagai pengusaha. Dalam tesis ini ditonjolkan bahawa manfaat penglibatan dalam penginapan berskala kecil bukan sahaja dinikmati oleh pengusaha itu sendiri dan kaum keluarga terdekat, bahkan juga melimpah kepada komuniti tempatan. Di samping manfaat ketara dalam konteks faedah ekonomi seperti peluang pekerjaan, pertambahan pendapatan serta jaringan ekonomi setempat, faedah lainnya seperti peningkatan semangat komuniti dan penjanaaan pembangunan fizikal juga dinikmati penduduk di kawasan kajian. Walaupun kajian mendapati penglibatan dalam penginapan berskala kecil membawa manfaat kepada pengusaha dan ahli komuniti tempatan lainnya juga, namun masih wujud kekangan-kekangan seperti dalam mendapatkan pinjaman kewangan serta sikap pengusaha sendiri yang dilihat menjadi penghalang kepada penglibatan yang lebih berkesan.

COMMUNITY PARTICIPATION AS ENTREPRENEURS IN SMALL-SCALE TOURISM ACCOMMODATION: A STUDY IN THE COASTAL AREAS OF TERENGGANU

ABSTRACT

The community participation as entrepreneurs in the small-scale tourism accommodation sector often raised doubt about the ability of local community to participate in the business of providing tourism services in the destination areas. They are assessed on their ability to compete and to develop tourism products and services. Tourism contribution in the development of local economy by virtue of providing job opportunities in this sector and helping develop complement-industries, begin to attract local participation. Thus, small-scale tourism accommodation sector is gradually being dominated by local people who are determined enough to get involved in this field. Therefore, the focus of this study is to explore the participation among local people in the small-scale accommodation sector in the coastal areas of Terengganu. Factors leading to their participation as small-scale tourism accommodation entrepreneurs and the benefits from their involvement are the main focus of this research. The principal source of data is my fieldwork consisting of surveys among 23 small-scale tourism accommodation entrepreneurs, as well as interviews and observations in the research areas. Questions in survey were structured in such a way to determine the profile of small-scale tourism accommodation entrepreneurs, the background of small-scale tourism accommodation services, the perceptions regarding their motive for participation and the benefits reaped from such involvement. Apart from small-scale tourism accommodation entrepreneurs as the main respondents, interviews were conducted among local community members to gain their perspectives on the involvement of local people in the small-scale accommodation services. Research findings indicate that the primary motive behind such participation is economic in nature. It is highlighted in this research that the participation of local entrepreneurs in the small-scale accommodation sector not only benefits the entrepreneurs themselves and their immediate family members, but also the local community as well. Apart from significant economic benefits such as the job opportunities, better income and local networking, other benefits such as strengthened community spirits and improved public infrastructures can be observed in the research areas. Although the participation of local entrepreneurs in the small-scale tourism accommodation sector benefits the local community, yet limitations exist such as in getting loan and the attitude of the entrepreneurs themselves that makes it difficult to achieve effective participation.